



**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)  
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**DOKUMEN :**

**SEBUT HARGA BAGI MENYELENGGARA  
PENYAMAN UDARA JENIS PISAH DAN  
BERPUSAT DI CIAST  
BIL. SEBUT HARGA**

**CIAST(S) 400 - 5/6/129**

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)  
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

## **KANDUNGAN**

---

- 1.0 KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
- 2.0 LAMPIRAN 1 : SENARAI SEMAK SEBUT HARGA
- 3.0 LAMPIRAN 2 : ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA
- 4.0 LAMPIRAN 3 : SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK  
KERJA
- 5.0 LAMPIRAN 4 : BORANG SEBUT HARGA
- 6.0 LAMPIRAN 5 : RINGKASAN SEBUT HARGA (KUANTITI)
- 7.0 LAMPIRAN 6 : RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)
- 8.0 LAMPIRAN 7 : MAKLUMAT PENYEBUT HARGA
- 9.0 LAMPIRAN 8 : JADUAL SENARAI PENGALAMAN SYARIKAT
- 10.0 LAMPIRAN 9 : SENARAI KERJA DALAM TANGAN
- 11.0 LAMPIRAN 10 : BORANG PENYATA AKAUN BANK SYARIKAT
- 12.0 LAMPIRAN 11 : SURAT AKUAN PEMBIDA



**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAS)  
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Sebut harga ini terbuka kepada Kontraktor yang layak dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:

<b>BIL. / TAJUK SEBUT HARGA</b>	<b>KOD BIDANG / PENDAFTARAN</b>	<b>TARIKH, MASA DAN LOKASI TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK</b>	<b>TARIKH, MASA DAN TEMPAT SERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA</b>
<b>CIAS(S) 400 - 5/6/129</b>  <b>SEBUT HARGA BAGI MENYELENGGARA PENYAMAN UDARA JENIS PISAH DAN BERPUSAT DI CIAS</b>	<b>1. Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB Gred G1 Kategori M01</b> <b>2. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK),</b> <b>3. Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).</b> <b>4. Terbuka kepada kontraktor yang berdaftar di Daerah Petaling, Negeri Selangor</b>	<b>Taklimat dan Lawat Tapak:</b> <b>Tarikh : 28 Ogos 2023</b> <b>Masa : 10.00 Pagi</b> <b>Lokasi : AUDITORIUM CIAS, Blok C</b>  <b>a) Sila Datang Awal kerana pelawat perlu mendaftar di Pondok Pengawal. Pintu Bilik taklimat akan di tutup tepat jam 10:00 PAGI.</b>  <b>b) HANYA PENAMA di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kewangan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor/CIDB, PUKONSA, UPKJ yang boleh menghadiri taklimat sebut harga.</b>  <b>c) Pematuhan kepada SOP yang telah ditentukan kementerian kesihatan.</b>	<b>Tutup Sebut Harga :</b> <b>Tarikh : 04 September 2023</b> <b>Masa : Sebelum jam 12:00 tengahari</b>  <b>Tempat Serahan:</b> <b>Peti Sebut Harga, Aras 2, Blok J, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAS), Jalan Petani 19/1, Seksyen 19, 40900 Shah Alam, Selangor</b>  <b>Nota:</b> <b>Dokumen sebut harga yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan</b>

1. Penyebutharga yang ingin menyertai sebut harga ini mestilah MUAT TURUN Dokumen Sebutharga dari laman sesawang CIAST ([www.ciastr.gov.my](http://www.ciastr.gov.my)) bermula **24 Ogos 2023**.
2. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai dokumen sebut harga sila hubungi **Pn. Siti Zaleha binti Wahid di talian 03-55438278** atau untuk pertanyaan berkenaan butiran kerja, sila hubungi **En. Mohd Azrul bin Jaafar di talian 03-55438298**.
3. Syarikat yang berminat **WAJIB HADIR** ke taklimat sebut harga sebagaimana tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas dan perlu mengemukakan dokumen sebut harga dan salinan sijil:
4. **Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB Gred G1 Kategori M01, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Daerah petaling, Negeri Selangor dan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) .**
5. **HANYA PENAMA** di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor CIDB (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sahaja yang boleh menghadiri taklimat sebutharga ini. Kegagalan untuk menghadiri taklimat sebut harga akan menyebabkan penyertaan syarikat tuan dalam sebut harga ini boleh **DIBATALKAN**.

**SENARAI SEMAK  
SEBUT HARGA BAGI MENYELENGGARA PENYAMAN UDARA JENIS PISAH  
DAN BERPUSAT DI CIAST**

**BIL. SEBUT HARGA : CIAST(S) 400-5/6/129**

Sila tandakan Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Borang Sebut Harga - <b>Lampiran 4</b> , Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani		
2.	Ringkasan Sebutharga (Kuantiti) – <b>Lampiran 5</b>		
3.	Ringkasan Sebutharga (Pukal) - <b>Lampiran 6</b>		
4.	Maklumat Penyebut Harga – <b>Lampiran 7</b>		
5.	Senarai Pengalaman Syarikat - <b>Lampiran 8</b>		
6.	Senarai Kerja Dalam Tangan - <b>Lampiran 9</b>		
7.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank – bagi Tiga (3) Bulan Terakhir ( <b>Mei , Jun dan Julai 2023</b> ) – <b>Lampiran 10</b>		
8.	Surat Akuan Pembida – <b>Lampiran 11</b>		
9.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)		
10.	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Dari CIDB ( <b>G1, Kategori ME, Pengkhususan M01</b> )		
11.	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat Dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
12.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Dari CIDB		
13.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)		

<p><b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b></p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p>	<p><b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b></p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. .... (jika ada).</p>
--	---

Tandatangan:	Tandatangan:
Nama:	Nama:
Jawatan:	Jawatan:
Tarikh:	Tarikh:
	Tandatangan:
	Nama:
	Jawatan:
	Tarikh:

## ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

### 2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

#### 2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan lengkap dan sepenuhnya:-

- (a) Lampiran 4 : Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- (b) Lampiran 5 : Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga (Kuantiti),
- (c) Lampiran 6 : Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga (Pukal),
- (d) Lampiran 7 : Maklumat Penyebut Harga
- (e) Lampiran 8 : Jadual Pengalaman Kerja (Sila sertakan Salinan Surat Setuju Terima / inden atau Salinan Muka Hadapan Kontrak dari tahun 2020 hingga 2022;
- (f) Lampiran 9 : Senarai kerja dalam tangan;
- (g) Lampiran 10 : Penyata Akaun bank (3 bulan : Mei, Jun & Julai 2023);
- (h) Lampiran 11 : Surat Akuan Pembida;
- (i) Salinan Sijil (SSM,Pendaftaran CIDB, SPKK,Perakuan pendaftaran PKK, Sijil Taraf Bumiputera)
- (j) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

#### 2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **CIAS(T)400-5/6/129** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

### 2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

### 3. TEMPOH SIAP KERJA \*

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **8 MINGGU SELEPAS INDEN KERJA DITANDATANGANI**

### 4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA +

Dokumen Sebut Harga ini boleh diperolehi secara percuma dengan hanya memuat turun dari laman sesawang <http://www.ciastr.gov.my>.

### 5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

### 6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

### 7. IKLAN DAN PUBLISITI

Tiada maklumat berkenaan sebut harga ini boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan / media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan **diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.**

---

\* Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

+ Pengiraan harga dokumen sebutharga hendaklah dbuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi PP yang terkini.



**SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA****1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA**

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

**2. INSURANS**

2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja\* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

**3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA**

3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

\*3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- (i) Suruhanjaya Tenaga
- (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
- (v) Pihak Berkuasa Tempatan

*\* Potong jika tidak diperlukan*

#### **4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA**

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

#### **5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA**

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

#### **6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN**

- 6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

#### **7. RINGKASAN SEBUT HARGA**

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj- caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahnannya. Persetujuan

sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

## **8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

## **9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR**

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

## **10. BAYARAN KEMAJUAN**

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap

dilaksanakan.

## **11. KERJA PERUBAHAN**

- 11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.
- 11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

## **12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)**

- 12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

## **13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja

JKR 58A kepada Pegawai Inden.

**14. PERAKUAN SIAP KERJA**

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

**15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN**

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

**16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

**BORANG SEBUT HARGA**

**Sebut Harga : CIAST (S) 400 - 5/6/129**

.....  
(Nama dan Alamat Syarikat)  
.....  
.....  
.....

Tuan,

**SEBUT HARGA BAGI MENYELENGGARA PENYAMAN UDARA JENIS PISAH DAN BERPUSAT DI CIAST**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Am Sebut harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia: .....  
.....(RM).....)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa ..... bulan dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh .....haribulan ..... 202.....

.....  
Tandatangan Kontraktor  
Nama Penuh: .....  
No. K/P: .....  
Alamat:.....  
.....  
.....  
.....  
Atas Sifat:.....

.....  
Tandatangan Saksi  
Nama Penuh: .....  
No. K/P: .....  
Alamat: .....  
.....  
.....  
.....

.....  
Meterai/Cop Kontraktor:M.S 1/1

**SEBUT HARGA BAGI MENYELENGGARA PENYAMAN UDARA JENIS PISAH DAN  
BERPUSAT DI CIAST**

**NO. SEBUT HARGA : CIAST (S) 400-5/6/129**

**RINGKASAN SEBUT HARGA (KUANTITI)**

Bil.	Spesifikasi Item	Kuantiti	HargaSeunit (RM)	JumlahHarga (RM)
UntukdiisiolehJabatan		UntukdiisiolehPenyebutharga		
<b>A</b>	<b>KERJA-KERJA AWALAN</b>			
1	Kerja-kerja awalan, insurans, pengurusan dan pengawasan, penghantaran peralatan, tenaga kerja,bahan-bahan -kerja kekemasan	L/S		
<b>B</b>	<b>PEJABAT SPD ARAS 2 BLOK A</b>			
1	Membuat kerja -kerja penyelenggaraan pada unit penyaman udara berkapasiti. <b>2.5HP</b> Jenama <b>YORK</b> jenis ceiling cassette			
	• Menggantikan unit <i>compressor</i> ( <b>2JS438D</b> )	<b>1 UNIT</b>		
	• Menggantikan unit <i>capasitor</i> <b>50µf</b>	<b>1 UNIT</b>		
	• Menggantikan <i>cooper pipe</i> untuk kapasiti 2.5HP dengan ketebalan <b>0.61mm</b> dan insulation mengikut standard yang ditetapkan oleh pihak CIAST	<b>1 UNIT</b>		
	• <i>Flusing evaporator</i> dan <i>condensor</i>	<b>1 UNIT</b>		
	• Menguji lari unit tersebut	<b>1 UNIT</b>		
2	Membuat kerja -kerja penyelenggaraan pada unit penyaman udara berkapasiti. <b>2.5HP</b> Jenama <b>YORK</b> jenis <b>Ceiling Cassette</b>			
	• Menggantikan unit <i>compressor</i> ( <b>2JS438D</b> )	<b>1 UNIT</b>		
	• Menggantikan unit <i>capasitor</i> <b>50µf</b>	<b>1 UNIT</b>		
	• <i>Flusing evaporator</i> dan <i>condensor</i>	<b>1 UNIT</b>		
	• Menguji lari unit tersebut	<b>1 UNIT</b>		
<b>PEJABAT SPD ARAS 3 BLOK A</b>				
1	Membuat kerja -kerja penyelenggaraan pada unit penyaman udara berkapasiti. <b>2.5HP</b> Jenama <b>YORK</b> jenis <b>Ceiling Cassette</b>			
	• Menggantikan unit <i>compressor</i> ( <b>2JS438D</b> )	<b>2 UNIT</b>		
	• Menggantikan unit <i>capasitor</i> <b>50µf</b>	<b>2 UNIT</b>		
	• <i>Flusing evaporator</i> dan <i>condenser</i>	<b>2 UNIT</b>		
	• Kerja – kerja cucian menggunakan <b>Alkaline (Major Service)</b>	<b>2 UNIT</b>		
	• Menguji lari unit tersebut	<b>2 UNIT</b>		
<b>C</b>	<b>PEJABAT KHIDMAT PENGURUSAN BLOK A</b>			
1	Membuka dan memasang unit penyaman udara berkapasiti <b>3.0 HP</b>  <b>(Nota : Penyaman udara disediakan oleh pihak CIAST)</b>			
	• Kerja – kerja membuka unit penyaman udara sedia ada (unit lama) dan lain-lain berkaitan	<b>3 UNIT</b>		
	• Kerja – kerja cucian menggunakan <b>Alkaline (Major service)</b> pada unit penyaman udara jenis <b>Ceiling Cassette</b> yang hendak di pasang	<b>3 UNIT</b>		

	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja memasang unit penyaman udara jenis <b>Ceiling Cassette</b> lengkap dengan <i>cooper pipe</i> ketebalan 0.7mm dan <i>insulation</i> baru mengikut standard yang ditetapkan oleh pihak CIAST</li> </ul>	3 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja pendawaian litar kuasa menggunakan kabel bersaiz <b>4mm x 2</b> bagi litar fasa dan kabel bersaiz <b>2.5mm x 1</b> bagi litar bumi mengikut standard yang ditetapkan Suruhanjaya Tenaga (ST)</li> </ul>	3 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja memasang <b>2 POLE switch</b> seperti yang ditetapkan oleh pihak CIAST</li> </ul>	3 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menguji lari unit tersebut</li> </ul>	3 UNIT		
2	Kerja – kerja memasang <b>Wired Controller</b> pada unit penyaman udara mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak CIAST	3 UNIT		
<b>D BILIK BIJAKSANA</b>				
1	Kerja – kerja penyelenggaraan unit penyaman udara Jenis <b>Ceiling Cassette 2.0HP</b> Jenama <b>YORK model YCK 20 AL</b>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggantikan <i>Power main board</i></li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggantikan <i>Blower Fan Motor</i></li> </ul>	1 UNIT		
<b>E PEJABAT SPD BLOK E</b>				
1	Membuka dan memasang unit penyaman udara berkapasiti <b>3.0 HP</b> <b>Nota : Penyaman udara disediakan oleh pihak CIAST</b>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja membuka unit sedia ada (unit lama) dan lain-lain berkaitan</li> </ul>	3 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja cucian menggunakan <b>Alkaline (Major Service)</b> pada unit penyaman udara jenis <b>Ceiling Cassette</b> yang hendak di pasang</li> </ul>	3 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja memasang unit penyaman udara jenis <b>Ceiling Cassette</b> lengkap dengan <i>cooper pipe</i> ketebalan 0.61mm dan <i>insulation</i> baru mengikut standard yang ditetapkan oleh pihak CIAST</li> </ul>	3 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja pendawaian litar kuasa menggunakan kabel bersaiz <b>4.0mm x 2</b> bagi litar fasa dan <b>2.5mm x 1</b> bagi litar bumi mengikut standard yang ditetapkan Suruhanjaya Tenaga (ST)</li> </ul>	3 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja memasang <b>2 POLE switch</b> seperti yang ditetapkan oleh pihak CIAST</li> </ul>	3 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menguji lari unit tersebut</li> </ul>	3 UNIT		
2	Kerja – kerja memasang <b>Wired Controller</b> pada unit penyaman udara mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak CIAST	3 UNIT		
<b>F MAKMAL ELEKTRONIK</b>				
1	Membuat kerja – kerja penyelenggaraan pada unit penyaman udara berkapasiti <b>2.0HP</b> Jenama <b>HITACHI</b>			



	<b>model RAC 18C jenis Ceiling Cassette</b>			
	• Menggantikan unit <i>compressor</i>	<b>1 UNIT</b>		
	• <i>Flusing evaporator</i> dan <i>condenser</i>	<b>1 UNIT</b>		
	• Membuat kerja – kerja cucian menggunakan <b>Alkaline (Major Service)</b> pada unit <i>indoor</i> dan <i>outdoor</i>	<b>1 UNIT</b>		
	• Menguji lari unit tersebut	<b>1 UNIT</b>		
<b>2</b>	Membuat kerja - kerja penggantian pada <i>drainage pump</i> dan <i>float level switch</i> pada unit penyaman udara jenis <b>Ceiling Cassette</b> jenama <b>HITACHI model RAI 18C</b>	<b>3 UNIT</b>		
<b>G</b>	<b>MAKMAL NDT - KIMPALAN</b>			
<b>1</b>	Membuat kerja -kerja penyelenggaraan pada unit penyaman udara jenis <b>ceiling expose</b> berkapasiti <b>4.0 HP</b> Jenama <b>YORK model YCE 40C – UFAH</b>			
	• Membuat kerja – kerja perbaikan kebocoran pada sistem	<b>1 UNIT</b>		
	• Memasang <i>outdoor bracket</i>	<b>1 UNIT</b>		
	• Membuat kerja cucian menggunakan <b>Alkaline (Major Service)</b> pada <i>indoor</i> dan <i>outdoor</i>	<b>1 UNIT</b>		
	• Menggantikan condensor <b>Fan Motor</b>	<b>1 UNIT</b>		
	• Menggantikan <b>drainage pant</b>	<b>1 UNIT</b>		
	• Menguji lari unit tersebut	<b>1 UNIT</b>		
<b>2</b>	Membuat kerja -kerja penyelenggaraan pada unit penyaman udara jenis <b>ceiling expose</b> berkapasiti <b>4.0 HP</b> Jenama <b>YORK model YCE 40C – UFAH</b>			
	• Membuat kerja cucian menggunakan <b>Alkaline (Major Service)</b> pada <i>indoor</i> dan <i>outdoor</i>	<b>1 UNIT</b>		
	• Menggantikan <b>drainage pant</b>	<b>1 UNIT</b>		
	• Menguji lari unit tersebut	<b>1 UNIT</b>		
<b>3</b>	Membuat kerja -kerja penyelenggaraan pada unit penyaman udara jenis <b>wall mounted</b> berkapasiti <b>2.0HP</b> Jenama <b>YORK</b>			
	• Membuat kerja cucian menggunakan <b>Alkaline (Major Service)</b> pada <i>indoor</i> dan <i>outdoor</i>	<b>1 UNIT</b>		
	• Menguji lari unit tersebut	<b>1 UNIT</b>		
<b>4</b>	Membuat kerja -kerja penyelenggaraan pada unit penyaman udara jenis <b>wall mounted</b> berkapasiti <b>1.0HP</b> Jenama <b>YORK</b>			
	• Membuat kerja cucian menggunakan <b>Alkaline (Major Service)</b> pada <i>indoor</i> dan <i>outdoor</i>	<b>1 UNIT</b>		
	• Menguji lari unit tersebut	<b>1 UNIT</b>		
<b>H</b>	<b>BILIK KULIAH 27</b>			
<b>1</b>	Membuat kerja – kerja penyelenggaraan pada unit penyaman udara berkapasiti <b>4.0 HP</b> Jenis <b>Ceiling Expose</b>			
	• Membuat kerja cucian menggunakan <b>Alkaline (Major Service)</b> pada <i>indoor</i> dan <i>outdoor</i>	<b>2 UNIT</b>		

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja – kerja pemeriksaan kebocoran dan perbaikan (jika ada)</li> </ul>	2 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja – kerja penambahan <b>gas R22</b> mengikut spesifikasi</li> </ul>	2 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menguji lari unit tersebut</li> </ul>	2 UNIT		
2	Kerja – kerja penggantian pada unit <b>filter grill</b> dan <b>air filter</b>	L/S		
<b>I</b>	<b>BILIK KULIAH 28</b>			
1	Membuat kerja – kerja penyelenggaraan pada unit penyaman udara berkapasiti <b>4.0 HP</b> Jenis <b>Ceiling Expose</b>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat kerja cucian menggunakan <b>Alkaline (Major Service)</b> pada <i>indoor</i> dan <i>outdoor</i></li> </ul>	2 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja – kerja pemeriksaan kebocoran dan perbaikan (jika ada)</li> </ul>	2 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja – kerja penambahan <b>gas R22</b> mengikut spesifikasi</li> </ul>	2 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menguji lari unit tersebut</li> </ul>	2 UNIT		
2	Kerja – kerja penggantian pada unit <b>filter grill</b> dan <b>air filter</b>	L/S		
<b>J</b>	<b>AUDITORIUM</b>			
1	Membuat kerja – kerja penyelenggaraan serta penggantian komponen pada unit penyaman udara jenis <b>Air Cooled pakej / floor mounted</b> berkapasiti <b>50HP</b> Jenama <b>SMARTECH</b> model <b>SPAC 510</b>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggantikan unit <i>condensor fan</i> lengkap dengan aksesori</li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat kerja – kerja perbaikan kebocoran pada sistem</li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat kerja – kerja cucian dan pembersihan pada <i>condenser</i> sedia ada</li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja – kerja penambahan <b>gas R22</b> mengikut spesifikasi</li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggantikan <b>air filter</b> pada <b>AHU</b> jenis <b>Washable Filter G3</b></li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menguji lari unit tersebut</li> </ul>	1 UNIT		
<b>K</b>	<b>DEWAN BESAR - AHU</b>			
1	Membuat kerja – kerja penggantian <b>air filter</b> pada unit <b>AHU</b> jenis <b>Washable Filter G3</b>	L/S		
<b>L</b>	<b>LOBI BLOK A</b>			
1	Membuat kerja – kerja penyelenggaraan pada unit penyaman udara jenis <b>Ceiling Concealed</b> berkapasiti <b>2.0HP</b> Jenama <b>HITACHI</b> model <b>RAC 18C</b>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggantikan unit <i>compressor</i></li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggantikan <i>capasitor 50µf</i></li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Flushing evaporator</i> dan <i>condensor</i></li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menguji lari unit</li> </ul>	1 UNIT		
<b>M</b>	<b>BILIK PENYELIA ASRAMA BLOK K</b>			
1	Membuka dan memasang unit penyaman udara berkapasiti <b>1.5 HP</b>  <b>Nota : Penyaman udara disediakan oleh pihak CIAST</b>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja – kerja membuka unit sedia ada (unit lama) dan lain-lain berkaitan</li> </ul>	1 UNIT		

	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja cucian menggunakan menggunakan <b>Alkaline (Major service)</b> pada unit penyaman udara jenis <b>Wall Mounted</b> yang hendak di pasang</li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja memasang unit penyaman udara <b>Wall Mounted 1.5HP</b> lengkap dengan <i>cooper pipe</i> ketebalan <b>0.61mm</b> dan <i>isulation</i> baru mengikut standard yang ditetapkan oleh pihak CIAST</li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menguji lari unit tersebut</li> </ul>	1 UNIT		
<b>N</b>	<b>BENKEL MEKATRONIK BLOK P</b>			
1	Membuat kerja -kerja penyelenggaraan pada unit penyaman udara berkapasiti. <b>3.0 HP</b> Jenama YORK jenis <b>Ceiling Cassette</b>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggantikan unit compressor ( <b>2JS46D</b> )</li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggantikan unit kapasitor <b>50µf</b></li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggantikan <i>cooper pipe</i> ketebalan <b>0.61mm</b> dan <i>insulation</i> baru mengikut standard yang ditetapkan oleh pihak CIAST</li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat cucian menggunakan <b>Alkaline</b> pada unit outdoor</li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Flushing evaporator</i> dan <i>condensor</i></li> </ul>	1 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menguji lari unit tersebut</li> </ul>	1 UNIT		
<b>O</b>	<b>ASRAMA BLOK R ARAS 4</b>			
1	Membuat kerja – kerja penyelenggaraan pada unit penyaman udara berkapasiti <b>1.5HP</b> Jenama HITACHI jenis <b>Wall Mounted</b>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja cucian menggunakan <b>Alkaline (Major Service)</b> pada unit indoor dan outdoor</li> </ul>	38 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menguji lari unit tersebut</li> </ul>	38 UNIT		
<b>P</b>	<b>BILIK MESYUARAT GEMILANG</b>			
1	Membuat kerja -kerja penyelenggaraan pada unit penyaman udara berkapasiti. <b>2.5 HP</b> Jenama YORK jenis <b>Ceiling Cassette</b>	4 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja cucian menggunakan <b>Alkaline (Major Service)</b> pada unit indoor dan outdoor</li> </ul>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menguji lari unit tersebut</li> </ul>			
<b>Q</b>	<b>STOR PENYELENGGARAAN</b>			
	Membuka dan memasang unit penyaman udara berkapasiti <b>3.0 HP</b>  <b>Nota : Penyaman udara disediakan oleh pihak CIAST</b>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja membuka unit sedia ada (unit lama ) dan lain-lain berkaitan</li> </ul>	2 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja cucian menggunakan <b>Alkaline (Major Service)</b> pada unit penyaman udara jenis <b>Ceiling Cassette</b> yang hendak di pasang</li> </ul>	2 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja memasang unit penyaman udara <b>Ceiling Cassette</b> lengkap dengan <i>cooper pipe</i> ketebalan <b>0.61mm</b> dan <i>isulation</i> baru mengikut standard yang ditetapkan oleh pihak CIAST</li> </ul>	2 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja – kerja pendawaian litar kuasa menggunakan kabel bersaiz <b>4.0mm x 2</b> bagi litar fasa dan <b>2.5mm x 1</b> bagi litar bumi mengikut standard yang ditetapkan Suruhanjaya Tenaga (ST)</li> </ul>	2 UNIT		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menguji lari unit tersebut</li> </ul>	2 UNIT		
<b>JUMLAH KESELURUHAN TANPA GST</b>				

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....  
Tandatangan Kontraktor

Tarikh.....

**SEBUT HARGA BAGI MENYELENGGARA PENYAMAN UDARA JENIS PISAH DAN  
BERPUSAT DI CIAST  
CIAST (S) 400 - 5/6/129**

**RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)**

Bil.	Huraian Kerja	Jumlah Harga Pukal (RM)
1.	SEBUT HARGA BAGI MENYELENGGARA PENYAMAN UDARA JENIS PISAH DAN BERPUSAT DI CIAST	
	Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga	

**Catatan:**

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....  
Tandatangan Kontraktor

Tarikh.....



7. Ahli Lembaga Pengarah

Bil	Nama	No. KP	Jumlah Nilai Saham (RM)	%	Jawatan Dalam Syarikat
1.					
2.					
3.					

8. Nama Dan Kewarganegaraan Ahli Lembaga Pengarah

Bil	Nama	Warganegara
a.		
b.		
c.		
d.		
e.		
f.		
g.		

9. Komposisi Kakitangan:

Komposisi Kakitangan	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Lain-lain	Jumlah
Pengurusan				
Eksekutif/Profesional				
Teknikal				
Sokongan				
<b>Jumlah</b>				

10. Komposisi Kakitangan (Nyatakan bilangan kakitangan yang terlibat dalam projek ini):

Perkara	Jawatan	Kelayakan	Bilangan	Kakitangan di tapak	B/BB
Pengurusan					
Profesional/ Eksekutif					
Teknikal					
Sokongan					

B – Bumiputera

BB – Bukan Bumiputera

11. Komposisi Modal

Modal Yang Dibenarkan	Modal Berbayar

12. Maklumat Bank

<b>Nama Bank</b>	
<b>Alamat Bank</b>	
<b>No. Akaun Bank</b>	

13. Aset \*:

<b>Semasa</b>	RM
<b>Tetap</b>	RM
<b>Jumlah</b>	RM

14. Liabiliti\*\*:

<b>Semasa</b>	RM
<b>Tetap</b>	RM
<b>Jumlah</b>	RM

15. Nilai Kewangan :

- a. Semasa : RM
- b. Tetap : RM
- c. Jumlah : RM

16. Kemudahan Kredit (Jika Ada) :

<b>Nama Bank</b>	
<b>Alamat Bank</b>	
<b>No. Akaun Bank</b>	

17. Bentuk Dan Baki Amaun Yang Boleh Digunakan Untuk Projek Ini:

<b>Overdraf atau Talian Kredit</b>	RM
<b>Overdraf Bercagar</b>	RM
<b>Pinjaman tetap yang akan/layak diperolehi untuk Projek</b>	RM
<b>Jumlah</b>	RM

**Peringatan Penting:**

\* Sila Sertakan salinan Akaun Syarikat bagi dua (2) tahun kewangan terakhir, yang disahkan dan diaudit oleh Juru Audit bertauliah (*Certified Accountant*) atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya bagi menyokong data-data yang diberi.

\*\* Sila sertakan Penyata Bulanan bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup tender.

18. Senaraikan semua projek perolehan kerja-kerja berkaitan yang pernah dilakukan untuk tempoh 3 tahun kebelakangan.

<b>Agensi/Jabatan/Syarikat</b>	<b>Nama Pegawai Untuk Dihubungi</b>	<b>No. Telefon</b>



19. Buatan Dalam/Luar Malaysia:

- (a) Sebutkan samada barang-barang yang hendak dibekalkan itu dibuat dalam Malaysia atau di luar Malaysia.
- (b) Jika barang dibuat dalam Malaysia, sebutkan peratus nilai bahagian barang yang dibuat dalam Malaysia.

20. Sila Nyatakan Samada Pengeluar Utama Atau Agen:

21. Kontrak Dengan Kerajaan Pada Masa Yang Lalu:

Jika Petender pernah mengikat kontrak dengan mana-mana Jabatan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun, nyatakan samada firma tuan pernah mengalami penggantungan dan penamatan kontrak dalam perjalanan kontrak dengan Kerajaan oleh kerana perlanggaran syarat-syarat kontrak.

22. Lain-Lain Maklumat Bagi Menyokong Cadangan Ini: Saya

perakui bahawa segala keterangan di atas adalah benar.

Tandatangan Penyebutharga :

Nama :

Jawatan Rasmi Dalam Syarikat :

Tandatangan Saksi :

Nama :

Jawatan :

Tarikh:

*Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Jalan  
Petani 19/1, 40900 Shah Alam,  
Selangor.*

## SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

**Pengarah,**

Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan  
(CIAST), Jalan Petani 19/1, 40900 Shah Alam, Selangor.

Tuan,

Tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat Sebutharga yang berkembar, saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini dengan ini mengambil bahagian dalam **Sebut Harga** dan menawarkan untuk **SEBUT HARGA BAGI PENGGANTIAN UNIT PENYAMAN UDARA JENIS PISAH SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI CIAST SHAH ALAM** yang dinyatakan di dalam jadual kontrak termasuklah mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di dalam perjanjian kontrak yang mana dikembalikan bersama dengan tawaran Sebutharga ini (**Kod Sebutharga : CIAST(S) 400 - 5/6/129**).

2. Saya menurunkan tandatangan di bawah ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan semua syarat-syarat kontrak dan skop kerja yang ada di dalam jadual Sebutharga dan juga bersetuju di atas harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran kepada perkhidmatan yang mana telah dipesan oleh CIAST.

3. Dengan ini juga telah difahami bahawa CIAST berhak menerima atau menolak sebarang Sebutharga ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan Penyebutharga-penyebutharga yang lain. Saya juga bersetuju untuk menerima ke semua atau sebahagian dari skop kerja yang ditawarkan dan sedia mengikut kehendak dan pertimbangan CIAST. Saya juga bersetuju bahawa harga Sebutharga yang saya beri ini akan laku (*valid*) dan tidak ditarik balik dalam tempoh satu ratus lapan puluh (180) hari dari tarikh tutup Sebutharga.

4. Selanjutnya saya bersetuju sekiranya Sebutharga saya diterima, saya akan mengikat perjanjian kontrak serta memberi bon pelaksanaan (sekiranya perlu) dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh terima surat tawaran dari CIAST.

5. Saya juga mengesahkan, setelah menyemak sendiri iaitu semua dokumen yang digunakan untuk Sebutharga ini adalah yang sebenar yang terdapat di dalam Dokumen Sebutharga.

Nama Pembida: .....  
Tandatangan Pembida  
Alamat : .....  
Cop Pembida  
.....

Tarikh : .....

Nama Saksi : .....  
Tandatangan Saksi

Alamat : .....

.....

Tarikh : .....



**PENGALAMAN SYARIKAT DENGAN KERAJAAN DAN BUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN ANTARA TAHUN 2020 - 2022**

Sila senaraikan pengalaman berkaitan **SEBUT HARGA BAGI MENYELENGGARA PENYAMAN UDARA JENIS PISAH DAN BERPUSAT DI CIAST NO. SEBUT HARGA: CIAST(S)400-5/6/129** mengikut susunan tahun:

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK**(Yang Berkaitan sahaja)</b>	<b>JENIS/BIDANG PROJEK</b>	<b>TEMPOH PERLAKSANAAN</b>	<b>ORGANISASI</b>	<b>NILAI/KOS PROJEK</b>

Nota\*\* : Penyebutharga dikehendaki memberi keterangan hanya untuk tempoh **TIGA (3)** tahun terakhir **yang berkaitan sahaja.**  
(Sila sertakan Salinan Surat Setuju Terima / inden atau Salinan Muka Hadapan Kontrak dari tahun 2020 hingga 2022;

**SENARAI KERJA DALAM TANGAN****( kerja-kerja yang sedang dijalankan )****SEBUT HARGA BAGI MENYELENGGARA PENYAMAN UDARA JENIS PISAH DAN BERPUSAT DI CIAST****NO. SEBUT HARGA: CIAST(S)400-5/6/129**

Bil.	Jabatan/Agensi	Tajuk Kerja	Nilai (RM)	Tarikh Kerja	Tempoh Kontrak	Pegawai Rujukan Jabatan ( <i>Contact Person</i> )

**SEBUT HARGA BAGI MENYELENGGARA PENYAMAN UDARA  
JENIS PISAH DAN BERPUSAT DI CIAST**

**NO. SEBUT HARGA: CIAST(S)400-5/6/129**

**PENYATA AKAUAN BANK SYARIKAT**

1. **Sila sertakan dokumen berikut :**
  - a. Salinan Penyata Akaun Bank bagi **Tiga (3) BULAN ( MEI , JUN DAN JULAI 2023 )**.
  - b. Salinan Penyata Akaun Bank hendaklah **DISAHKAN** oleh bank berkaitan.
  - c. Sebut Harga yang tidak disertakan dengan Penyata Akaun Bank yang lengkap dan disahkan akan **DITOLAK**.

NO. SEBUT HARGA : CIAST(S)400-5/6/129

**SULIT****BORANG PENYATA BULANAN AKAUN BANK**

(Disahkan oleh Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Maklumat di borang ini hendaklah disahkan oleh pihak Bank/Institusi Kewangan dan dikembalikan kepada Bahagian yang mengurus sebut tender.

**Kepada** : Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia  
Kementerian Sumber Manusia

**Nama Syarikat** : <<Diisi oleh syarikat>>

**Nama Bank** : <<Diisi oleh syarikat>>

**Nombor Akaun** : <<Diisi oleh syarikat>>

**Alamat Bank** : <<Diisi oleh syarikat>>  
(Di mana akaun dibuka)

Baki Penyata Bulanan		
<<Bulan/Tahun>>	<<Bulan/Tahun>>	<<Bulan/Tahun>>

.....

Tandatangan Pembekal

Nama Pegawai :  
Jawatan :  
No. Telefon :  
Tarikh :

Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak Bank/Institusi Kewangan

Nama Pegawai :  
Jawatan :  
No. Telefon :  
Tarikh :  
Cop Bank/ Institusi :  
Kewangan

**Nota:**

1. Borang boleh disalinkan untuk pengesahan bank/institusi kewangan berbeza
2. Petender dibenarkan menggunakan format borang sedia ada oleh bank/institusi kewangan, tertakluk ia mempunyai maklumat lengkap sebagaimana yang dimohon dalam borang ini.

## SURAT AKUAN PEMBIDA

**SEBUT HARGA BAGI MENYELENGGARA PENYAMAN UDARA JENIS PISAH DAN BERPUSAT DI CIAST  
NO. SEBUT HARGA: CIAST(S)400-5/6/129**
(Tajuk dan Nombor Rujukan Tender / Sebut Harga)

Saya, ..... No.Kad Pengenalan ..... yang  
(Nama Wakil Syarikat)  
 mewakili ..... nombor Pendaftaran .....  
(Nama Syarikat) (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)  
 dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam .....  
 ..... atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam tender/sebut  
(Nama Kementerian/Agensi)  
 harga\* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses tender/sebut harga atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam .....  
(Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk di pilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi tender/sebut harga\* di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

4. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini mematuhi perkara 2 dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini didakwa bagi kesalahan\*\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksan serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.



5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melaebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

No.KP : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Cop Syarikat : \_\_\_\_\_

Catatan:

- (i) \* potong mana tidak berkenaan
- (ii) \*\* termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (iii) \*\*\* seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iv) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.